

D847

U B314 AAB
MAHATHIR R R R

KUALA LUMPUR, 24 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA RAKYAT HARUS MENGIKISKAN NILAI-NILAI TRADISI YANG MERUGIKAN DALAM USAHA MEMBINA SEBUAH MASYARAKAT MALAYSIA YANG BERMARUAH, DIHORMATI DAN TERUJI KETAHANANNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA MASYARAKAT HARUS BERANI MENERIMA HAKIKAT BAHAWA DALAM MEMBENTUK SATU MASYARAKAT YANG BARU DAN PROGRESIF, NILAI-NILAI YANG DIRASA MERUGIKAN ATAU MENGHALANGI CITA-CITA MASYARAKAT SEMASA PERLU DIKIKIS.

RAKYAT HENDAKLAH HANYA MEMILIH DAN MENGAMALKAN NILAI-NILAI YANG POSITIF KERANA TIDAK KESEMUA NILAI-NILAI LAMA ITU BAIK DAN BOLEH DIKUTI, KATANYA KETIKA MERASMIKAN BUKU PUISI-PUISI PILIHAN DAN DRAMA-DRAMA PILIHAN, KARYA SASTERAWAN NEGARA USMAN AWANG DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (DBP) DI SINI.

BELIAU BERKATA MASYARAKAT PERLU BERANI MENYATAKAN YANG SESUATU NILAI LAMA ITU SALAH ATAU TIDAK SECOCOK DENGAN KEPERLUAN SEMASA, JIKA IA MEMANG BERSIFAT DEMIKIAN DENGAN MEMBERIKAN SATU PENAFSIRAN BARU.

+JIKA KEKUATAN DAN DAYA CIPTA GENERASI SEBELUMNYA ITU DISINGKAP DAN DISESUAIKAN DENGAN KEPERLUAN SEMASA, BEBERAPA NILAI YANG IDEAL AKAN DIPEROLEHI UNTUK MEMBINA MASYARAKAT SEMASA,+ KATANYA. -- LAGI.

1304MST 24 09 87

D853

U B318 AAB
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA; PARA SASTERAWAN HENDAKLAH MENGHASILKAN KARYA YANG MEMAPARKAN SUARA DAN ASPIRASI RAKYAT KERANA KATANYA, IA TIDAK AKAN BERMAKNA JIKA PENULISNYA TIDAK MEMPUNYAI SESUATU KOMITMEN KEPADA PEMBACA.

HASIL SASTERA YANG DITERIMA UMUM ADALAH KERANA WUJUDNYA TINDAK-BALAS LANGSUNG ANTARA MASYARAKAT DENGAN PENCIPTANYA (MELALUI KARYA) DAN SEBALIKNYA IA TIDAK MENDAPAT PERHATIAN MASYARAKAT JIKA TIDAK MEMAPARKAN ASPIRASI ITU, TEGASNYA.

+SASTERAWAN JUGA HARUS MENYEDARI REALITI POLITIK DAN SOSIAL MASYARAKAT KERANA HASIL SASTERA ADALAH MERUPAKAN PERCIKAN DARIPADA TUNTUTAN ATAU KEPERLUAN SETEMPAT,+ KATA BELIAU SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA BIAR APAPUN CITA-CITA SASTERAWAN ITU, DIA TIDAK BOLEH MENOLAK ASPIRASI MASYARAKATNYA.

BELIAU BERKATA SASTERAWAN JUGA TIDAK HARUS MENGGUNAKAN KERTAS DAN PENA UNTUK MENYUARAKAN SIKAP ATAU PEMIKIRANNYA SAHAJA TETAPI HENDAKLAH SENTIASA PEKA AKAN PERUBAHAN DAN KECENDERUNGAN SEMASA DAN SECARA AKTIF TERLIBAT DALAM KEGIATAN MASYARAKATNYA.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA KERAJAAN BELUM BERPUAS HATI AKAN PERKEMBANGAN MINAT MEMBACA DI KALANGAN MASYARAKAT WALAUPUN KERAJAAN TELAH MENJALANKAN PELBAGAI USAHA. -- LAGI.

1315MST 24 09 87

0857

U B320 AAB
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR R R R

BAGAIMANAPUN MINAT MEMBACA ITU MENINGKAT SEDIKIT, BERBANDING DENGAN SEBELUMNYA TERUTAMA DI BANDAR-BANDAR, TETAPI MASIH BANYAK USAHA YANG PERLU DILAKUKAN, APA LAGI DI KAWASAN LUAR BANDAR, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA WALAUPUN TERDAPAT PELBAGAI FAKTOR MENGHALANGI PENINGKATAN TABIAT SUKA MEMBACA DI KAWASAN LUAR BANDAR SEPERTI FAKTOR EKONOMI DAN KURANGNYA MASA LAPANG DI KALANGAN PENGHUNINYA, USAHA BERSUNGGUH-SUNGGUH PERLU DILAKUKAN AGAR KEDUDUKAN ITU BERTAMBAH BAIK.

MENGENAI SASTERAWAN USMAN AWANG, PERDANA MENTERI BERKATA KARYA-KARYANYA ITU AKAN MENJADI KHAZANAH YANG SANGAT BERHARGA DALAM KESUSASTERAAN NEGARA.

KATANYA, USMAN BUKAN HANYA BERGIAT DALAM DUNIA KESASTERAWANANNYA TETAPI JUGA TELAH MEMPERJUANGKAN NASIB RAKYATNYA. -- BERNAMA.
1323MST 24 09 87